

**PERKAITAN ANTARA MINAT DAN BUDAYA MEMBACA DENGAN
KEBOLEHAN BERBAHASA PELAJAR YANG DIGAMBARKAN
DALAM PENULISAN KARANGAN**

LATIFAH BINTI HARUN

**PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2004



PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini merupakan hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

16.4.2004

LATIFAH BINTI HARUN
2000-00125



PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua saya dapat menyiapkan kertas kajian mengenai “perkaitan antara minat dan budaya membaca dengan kebolehan berbahasa pelajar yang digambarkan dalam penulisan karangan” sebagai sebahagian daripada syarat bergraduasi.

Pada kesempatan yang terbatas ini saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia iaitu Dr. Sulaiman Masri, keluarga dan rakan seperjuangan. Terima kasih yang tidak terhingga kerana sumbangan dan dorongan yang diberikan. Semoga budi baik dan bantuan kalian mendapat rahmat Allah.

Saya berharap kajian ringkas ini dimanfaatkan oleh semua pihak terutamanya guru bahasa Melayu. Sesungguhnya dapatan kajian ini sangat berguna untuk meningkatkan mutu dan prestasi pengajaran dan pembelajaran. Semoga usaha seperti ini berterusan.

Akhir sekali, semoga usaha memartabatkan bahasa dan mendidik anak bangsa mendapat restu dan petunjuk daripada yang Maha Esa. Wassalam.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji perkaitan antara minat dan budaya membaca dengan kebolehan berbahasa pelajar yang digambarkan dalam penulisan karangan. Responden kajian ini terdiri daripada pelajar Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Senawang 2, Seremban, Negeri Sembilan. Sebanyak 60 responden Melayu yang terdiri daripada 30 pelajar lelaki dan 30 pelajar perempuan dipilih secara rawak. Alat kajian berupa satu set borang soal selidik, pemerhatian, temu bual pengkaji dengan responden dan guru bahasa Melayu dan markah ujian bulanan penulisan karangan. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan peratusan. Data yang diperolehi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pelajar menghasilkan karangan yang baik (berkualiti). Tujuh faktor yang berkait rapat dengan kemahiran menulis karangan iaitu latar belakang keluarga, status sosio ekonomi, sikap dan minat, kekerapan membaca pelbagai bahan bacaan, jenis bahan bacaan yang dibaca, faktor persekitaran dan faktor dorongan. Hasil kajian menunjukkan faktor latar belakang keluarga sememangnya memberikan sumbangan meningkatkan minat membaca dalam kalangan pelajar ini. Selain itu, faktor afektif seperti sikap, minat dan motivasi turut membantu menanam minat dan budaya membaca pelajar ini. Dapatan kajian menunjukkan pelajar yang banyak membaca bahan bacaan ilmiah mendapat markah yang tinggi (gred 2A, markah 70-79) dalam ujian penulisan karangan berbentuk deskriptif dan karangan berbentuk naratif. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perkaitan positif antara kebolehan berbahasa dengan jumlah bahan bacaan ilmiah yang dibaca oleh pelajar ini. Kajian ini terdiri daripada lima bab iaitu; Bab1: Pendahuluan, Bab 2: Tinjauan Literatur, Bab 3: Metodologi Kajian, Bab 4: Dapatan Kajian dan Bab 5: Kesimpulan dan Cadangan. Diharap kajian dimanfaatkan oleh guru, pelajar, ibu bapa dan pemikir kurikulum supaya mewujudkan suasana dan persekitaran yang boleh merangsang minat dan budaya membaca. Kemudahan infrastruktur atau prasarana yang mencukupi dan selesa haruslah diwujudkan di setiap sekolah dan di rumah supaya minat dan budaya membaca tumbuh subur dan mampu melahirkan pelajar yang mahir berbahasa secara lisan dan tulisan.





ABSTRACT

The aim of this research is to study the association among interest, reading culture and language ability of students as reflected in their essay writings. The respondents of this research were taken from four students of Sekolah Menengah Kebangsaan Senawang 2, Seremban Negeri Sembilan. Sixty Malay students comprising 30 male and 30 female students were picked at random for this research. The media of this research include one set of questionnaire, observation, monthly test essay writing marks and conversations between the respondents, the Malay language teachers and the researcher herself. The research data analyzed in descriptive percentage. The data collected were used to determine the actual factor that influences the writing of good essay. There are seven factors that are involved. They are family background and economic status, attitude and interest, frequency in reading a wide range of reading materials, types of reading materials, environmental factor, intelligence factor and related activities. The result of this research shows that the socio economic factor contributes significantly to the reading habit among these students. Besides this, affective factors like attitude, interest and motivation also determine their inclination to read. The analysis shows that students who read a lot of academic books out comes high grade in monthly test essay writing (grade: 2A, mark: 70-79), especially in descriptive and narrative essay writing. Hypothesis null not accepted. This research consists five chapters. Chapter 1: Introduction, Chapter 2: Literature Review, Chapter 3: Research Methodology, Chapter 4: Research Results and Chapter 5: Conclusion and Suggestion. This research will hopefully directly or indirectly help the Malay language teachers, parents, students and the Education Ministry of Malaysia to provide a conducive environment that will stimulate the interest and culture for reading. Sufficient infrastructural facilities should be made available in every school to enrich the interest and culture for reading and finally improved students efficiency in the language, orally and on writing.





KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI RAJAH	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	9
1.5 Soalan Kajian	10
1.6 Hipotesis Kajian	11
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Batasan Kajian	12
1.9 Pengertian Konsep Kajian	13
1.9.1 Budaya	13
1.9.2 Minat	14
1.9.3 Membaca	14





1.9.4	Pelajar Tingkatan 4	16
1.9.5	Hasil Penulisan	17
1.9.6	Karangan	17
1.10	Kesimpulan	18

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	19
2.2	Kajian Lepas oleh Pengkaji Luar Negara	21
2.3	Kajian Lepas oleh Pengkaji Tempatan	24
2.4	Konsep Membaca Kajian Ini	29
2.5	Konsep Menulis Kajian Ini	29
2.6	Kerangka Konseptual Kajian Ini	30



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	34
3.2	Lokasi Kajian	34
3.3	Reka Bentuk Kajian	35
3.4	Alat Kajian	35
3.4.1	Soal Selidik	35
3.4.2	Temu Bual	36
3.4.3	Pemerhatian	37
3.4.4	Soalan Ujian Bulanan	37
3.4.5	Markah Ujian Penulisan Karangan	37
3.5	Sampel Kajian	38
3.6	Tatacara Pengumpulan Data	38





3.7	Tatacara Penganalisisan Data	40
3.8	Kesimpulan	40

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	41
4.2	Profil Responden Kajian Mengikut Demografi	42
4.3	Profil Responden Kajian Mengikut Hobi dan Kegemaran Masa Lapang	43
4.4	Profil Responden Kajian Mengikut Pekerjaan Bapa	43
4.5	Profil Responden Kajian Mengikut Pekerjaan Ibu	44
4.6	Profil Responden Kajian Mengikut Pendapatan Keluarga Sebulan	45
4.7	Profil Responden Kajian Mengikut Bilangan Ahli Keluarga	45
4.8	Profil Responden Kajian Mengikut Jenis Bahan Bacaan yang Dibaca	46
4.9	Profil Responden Kajian Mengikut Pemberi Galakan yang Utama	47
4.10	Profil Responden Kajian Mengikut Markah Penulisan dalam Ujian Bulanan	48
4.11	Analisis Kajian	48
4.11.1	Minat dan Budaya Membaca Responden Dapat Membantu Menghasilkan Karangan yang Baik (Berkualiti)	49
4.11.2	Kemahiran Berbahasa Responden Dipengaruhi oleh Jenis Bahan Bacaan	50
4.11.3	Minat Membaca, Budaya Membaca dan Kemahiran Berbahasa Responden Dipengaruhi oleh Latar Belakang Keluarga	51
4.11.4	Kemudahan Tempat Membaca di Rumah	53





4.11.5	Pendorong dan Cara Dorongan Minat Membaca	54
4.12	Kesimpulan Dapatan Kajian	55

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	57
5.2	Ringkasan Kajian	57
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	58
5.3.1	Perbincangan Berkaitan Latar Belakang Keluarga yang Mempengaruhi Minat dan Budaya Membaca dalam Kalangan Responden	59
5.3.2	Perbincangan Jumlah dan Jenis Bahan Bacaan yang Digemari Pelajar dan Kaitannya dengan markah Penulisan dalam Ujian	60
5.3.3	Perbincangan Tahap Gangguan Semasa Membaca	61
5.3.4	Perbincangan Kemudahan Membaca di Rumah dan Kaitan Dengan Tabiat Membaca serta Pencapaian dalam Penulisan Karangan	62
5.3.5	Perbincangan Kekerapan Penggunaan Pusat Sumber Sekolah dan Kaitannya dengan Tabiat Membaca	62
5.3.6	Perbincangan Berkaitan Pendorong Utama Pelajar ke Arah Pengenalan Tabiat Membaca	63
5.3.7	Perbincangan Berkaitan Budaya Membaca dan Kaitannya dengan Pencapaian dalam Penulisan Karangan	64
5.4	Cadangan	66
5.5	Penutup	69

RUJUKAN	71
---------	----





LAMPIRAN	A	Soal Selidik	76
	B	Soalan Temu Bual	82
	C	Pemerhatian di dalam Bilik Darjah	83
	D	Soalan Ujian Bulanan	84
	E	Senarai Nama Responden dan Markah Ujian Bulanan Mengikut Gred	85
	F	Panduan Penilaian Karangan	88

Surat Kebenaran Menjalankan Kajian



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Taburan Soalan Soal Selidik	36
4.1 Profil Responden Kajian Mengikut Demografi	42
4.2 Profil Responden Kajian Mengikut Hobi dan Kegemaran Masa Lapang	43
4.3 Profil Responden Kajian Mengikut Pekerjaan Bapa	44
4.4 Profil Responden Kajian Mengikut Pekerjaan Ibu	44
4.5 Profil Responden Kajian Mengikut Pendapatan Keluarga Sebulan	45
4.6 Profil Responden Kajian Mengikut Bilangan Ahli Keluarga	45
4.7 Profil Responden Kajian Mengikut Jenis Bahan Bacaan yang Digemari	46
4.8 Profil Responden Kajian Mengikut Pemberi Galakan Membaca yang Utama	47
4.9 Profil Responden Kajian Mengikut Markah Penulisan dalam Ujian Bulanan	48
4.10 Faktor yang Mempengaruhi Minat dan Budaya Membaca Responden	49
4.11 Jenis Bahan Bacaan yang Dibaca oleh Responden	51
4.12 Latar Belakang Keluarga Mempengaruhi Minat Membaca, Budaya Membaca dan Kemahiran Berbahasa Responden	52
4.13 Kemudahan Tempat Membaca di Rumah	54
4.14 Pendorong Membaca dan Cara Dorongan Membaca	55



SENARAI SINGKATAN

%	Peratus
PSS	Pusat Sumber Sekolah
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
JPNNS	Jabatan Pendidikan Negeri, Negeri Sembilan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan





SENARAI RAJAH

Rajah

muka surat

2.1 Kerangka Konseptual Kajian

32





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Sebagai pembuka kata, mari kita sama-sama memahami dan menghayati firman Allah Ta'ala dalam surah *Al-'Alaq*, ayat 1 – 5, bermaksud: “Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah! Dan Tuhan engkau itu Maha Mulia. Dia yang mengajarkan dengan qalam. Mengajar manusia apa-apa yang dia tidak tahu” (Mahmud Yunus, 1973: 910).

Daripada perkataan bacalah, (disebut dua kali) dan qalam yang ditegaskan oleh Tuhan melalui firman-Nya dalam surah *Al-'Alaq*, ayat 1 hingga ayat 5, yang menyatakan tentang kewajipan belajar, dapatlah dirumuskan agama Islam memang menekankan peri pentingnya kemahiran membaca dan menulis dikuasai oleh manusia demi mengekalkan, melanjutkan serta mempertingkatkan tamadun manusia.





Kepentingan membaca dan menulis mendapat tempat paling utama di sisi Allah Ta'ala kerana Tuhan menyeru manusia supaya belajar membaca dan menulis melalui ayat-ayat yang pertama kali diturunkan kepada Nabi Muhammad (s.a.w.) di Mekah pada 17 Ramadhan, bersamaan 6 Ogos 610 Masihi.

Firman Allah Ta'ala dalam surah *Al-Qalam*, ayat 1, bermaksud: "Nuun, demi pena dan apa-apa yang mereka tuliskan" (Mahmud Yunus, 1973: 845). Ayat ini sekali lagi memberikan penegasan yang disuarakan oleh agama Islam tentang kedudukan serta tanggungjawab orang yang menggunakan pena untuk menuliskan pendapat bagi bacaan manusia.

Islam terlebih dahulu mengangkat darjat serta mengiktiraf golongan manusia yang dikenal dengan nama penulis atau pengarang (orang yang menggunakan pena untuk menulis). Ini membuktikan penulisan merupakan kemahiran yang amat tinggi tarafnya dalam tatatingkat kemahiran berbahasa yang lain seperti mendengar, bertutur dan membaca. Ini bermakna seseorang yang mahu menjadi penulis hendaklah terlebih dahulu menguasai kemahiran membaca, iaitu satu kecekapan yang sangat rapat hubungannya serta tidak dapat dipisahkan daripada kemahiran menulis.

Kebanyakan khazanah ilmu pengetahuan yang kita pusakai, bersumberkan bahan yang tertulis pada prasasti, kulit dan tulang binatang, tumbuh-tumbuhan dan tinggalan orang terdahulu. Tanpa tulisan yang diwariskan kepada kita oleh golongan penulis tersebut, tidak mungkin kita dapat memperkembang ilmu pengetahuan daripada generasi kepada generasi yang lain. Bidang penulisan menjadi begitu penting bagi kesinambungan ilmu pengetahuan. Oleh sebab maklumat sedia ada





diperolehi melalui pembacaan maka, penemuan baharu perlulah dirakamkan menggunakan media cetak atau media elektronik dalam bentuk tulisan, audio, visual atau multimedia.

Oleh sebab itu, kemahiran menulis mendapat sanjungan yang tinggi dalam sistem pendidikan setiap negara di dunia ini kerana melalui penulisanlah pelajar dapat mencatatkan sesuatu yang telah mereka pelajari dan jawapan bertulis mereka pula dinilai oleh pemeriksa yang terdiri daripada golongan yang mahir dengan tugas ini.

Kemahiran menulis merujuk keupayaan pelajar menulis perkataan dan ayat, serta mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan kreatif yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas (disesuaikan daripada Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan Empat, 2003: 3). Maka kajian ini cuba mengenal pasti perkaitan antara minat dan budaya membaca dengan kemahiran berbahasa pelajar yang digambarkan dalam penulisan karangan.

Seterusnya, bahagian ini memperkatakan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, pengertian konsep dan kesimpulan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam pendidikan bahasa terdapat empat bidang kemahiran iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pada tahun 1986, Christison dan Krahne dalam Mohd Jonit





Mohd Johari (1993), membuat tinjauan tentang persepsi pelajar di beberapa maktab dan universiti, di Amerika Syarikat, terhadap pembelajaran bahasa Inggeris berdasarkan beberapa aspek kemahiran berbahasa seperti di atas. Mereka mendapati 60% responden menyatakan aspek penulisan sebagai bidang paling sukar untuk dikuasai. Daripada segi daya tarikan pula, hanya 10% responden memilih aspek penulisan sebagai bidang paling menarik. Sebaliknya, 15% responden menyatakan aspek penulisan patut digugurkan sahaja daripada kurikulum pengajaran bahasa Inggeris.

Kajian di atas menunjukkan ramai pelajar menyatakan aspek penulisan sangat sukar untuk dikuasai serta tidak menarik. Walau bagaimanapun, masih ramai lagi pelajar yang mahukan aspek penulisan diajarkan. Maka, menjadi tanggungjawab warga pendidik bahasa untuk menjadikan pengajaran penulisan itu lebih mudah dikuasai dan lebih menarik kerana 85% responden masih mahukan aspek penulisan itu terus diajarkan. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran yang mengkhusus terhadap penulisan karangan yang menarik dan mampu memperoleh markah yang tinggi kerana memenuhi kriteria karangan yang baik, perlu diajarkan kepada pelajar di sekolah. Salah satu caranya ialah dengan menggalakkan pelajar membaca bahan bacaan ilmiah yang menggunakan bahasa yang baik dan betul.

Seseorang yang suka mengamalkan tabiat membaca sudah pasti dapat meluaskan pengalaman, pengetahuan, dan pemikirannya. Dalam perkataan lain, seseorang yang suka dan mengekalkan tabiat membaca bolehlah diibaratkan berjaya menjelajah dunia. Menurut Donna dalam Yahya Awang (1999), menyatakan membaca sebagai rekreasi mental. Mata hati menjelajahi rimba untuk sampai ke





puncak gunung. Menurut Donna lagi, hanya mereka yang berasa seronok, yakin memperoleh manfaat, memiliki keterampilan serta perbekalan yang cukup boleh sampai ke puncak dan tidak sesat. Walau bagaimanapun, bukan mudah untuk mengekalkan tabiat membaca kerana memerlukan banyak kesabaran terutama untuk menentang sikap jemu dan cepat bosan terhadap buku atau bahan yang dibaca.

Dalam proses menuntut ilmu, aspek pembacaan tidak dapat dipisahkan kerana mempunyai perkaitan yang rapat. Tanpa bacaan seseorang itu tidak memperoleh ilmu dalam erti kata yang sebenarnya. Oleh itu, amalan dan tabiat membaca perlu disemai, dipupuk dan perlu diteruskan serta dikekalkan sepanjang hayat. Kelemahan pelajar dalam menyampaikan idea atau pendapat dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu fenomena atau sindrom yang perlu dicari jalan penyelesaian. Apa yang dapat ditanggapi ialah kurangnya pembacaan dalam kalangan pelajar itu sendiri. Pelajar biasanya kurang sedar kepentingan minat dan budaya membaca. Membaca tidak diamalkan pada sepanjang masa atau berterusan sedangkan untuk menghasilkan karangan yang berkesan, pelajar perlu menguasai pelbagai aspek bahasa. Pelajar hendaklah memiliki kosa kata yang banyak, mampu membina ayat yang beragam dan perlu menguasai gaya bahasa yang pelbagai. Semua aspek ini menjadi milik pelajar yang gemar membaca.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini cuba membuktikan perkaitan antara minat dan budaya membaca dengan kebolehan berbahasa pelajar yang digambarkan dalam penulisan karangan. Pelajar biasanya kurang sedar tentang pentingnya tabiat atau budaya membaca. Kamarudin





Haji Husin (1989) menyatakan, membaca bagi sesetengah pelajar hanya pada masa tertentu seperti untuk menduduki ujian atau peperiksaan. Membaca tidak diamalkan pada sepanjang masa atau secara berterusan. Sebaliknya, hanya dikhususkan untuk mencapai matlamat tertentu dan bukan untuk menambah ilmu pengetahuan.

Pendapatan keluarga merupakan salah satu faktor penting mempengaruhi anak untuk menyemai tabiat membaca. Keluarga yang berpendapatan rendah mungkin tidak mampu menyediakan bahan bacaan di rumah untuk anak mereka dan keadaan ini menyebabkan penggantungan sepenuhnya terhadap buku teks yang disediakan oleh pihak sekolah. Akhbar dan majalah tertentu yang mempunyai banyak sumber maklumat dan pengetahuan semasa tidak dapat disediakan oleh keluarga yang tidak mampu. Keadaan ini secara tidak langsung boleh menyebabkan anak mereka kekurangan bahan bacaan untuk dibaca. Akhirnya, minda anak mereka tidak secerdas kanak-kanak lain yang mendapat kemudahan membaca secukupnya.

Hansen dalam Yahya Awang (1999), menyatakan faktor persekitaran rumah memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tabiat membaca dalam kalangan kanak-kanak. Beliau menggabungkan empat faktor yang berkaitan dengan persekitaran rumah iaitu:

1. terdapat atau tidak bahan bacaan di rumah
2. masa yang diperuntukkan bagi membaca
3. masa yang diperuntukkan membimbing dan menggalakkan anak membaca dan
4. sama ada ibu bapa menjadi model atau contoh yang baik kepada anak-anak.





Banyak penyelidikan menunjukkan perbezaan kelas sosial mendatangkan pengaruh yang berlainan terhadap kanak-kanak terutamanya berkaitan dorongan ibu bapa terhadap pembacaan khususnya pada peringkat awal remaja dan aspek persekitaran rumah yang mendorong pembacaan. Entwistle dalam Mohd Jonit Mohd Johari (1999) menyatakan, kelas sosial keluarga memberi pengaruh besar terhadap sikap dan minat membaca dalam kalangan anak mereka.

Nik Safiah Karim (1980) berpendapat, pemakanan boleh mempengaruhi kecerdasan seseorang sama ada daripada segi mental atau kecerdasan fizikal. Minat seseorang untuk melakukan aktiviti bersemarak dan berkobar-kobar apabila dalam keadaan sihat dan cergas jika dibandingkan dengan seseorang yang lemah. Oleh itu, masalah untuk menyediakan makanan yang berkhasiat dan seimbang mungkin tidak mampu disediakan oleh keluarga yang hidup serba kekurangan apatah lagi dengan bilangan ahli keluarga yang ramai.



Pencapaian yang baik dalam setiap mata pelajaran pelajar mencerminkan tahap pembacaan mereka yang tinggi, terutamanya semasa terluangnya masa ketika di rumah. Apabila masa terluang tidak digunakan untuk aktiviti membaca, maka sudah pasti menyebabkan minat membaca tidak dapat dibentuk, disemai dan dipupuk. Hal ini bertepatan dengan Azman Wan Chik (1986) yang berpendapat golongan remaja terutamanya pelajar, kurang memberi masa yang terluang untuk membaca. Mereka perlu memperuntukkan masa membaca buku sekurang-kurangnya sejam sehari bagi memantapkan maklumat yang telah dipelajarinya.





Biasanya rakan sebaya sedikit banyak mempengaruhi pelajar dalam aspek tertentu seperti pemikiran dan tingkah laku. Koh Boh Boon (1989) menyatakan, rakan yang baik biasanya memberi manfaat terhadap pemikiran dan tingkah laku jika dibandingkan dengan rakan yang berperawakan sebaliknya. Rakan yang pandai menggunakan masa terluang dengan aktiviti yang berfaedah seperti membaca, mampu mendorong rakan rapatnya untuk mengamalkan tabiat yang sama.

Sesungguhnya, guru merupakan pendorong utama dan contoh yang boleh diteladani oleh pelajar supaya tabiat membaca menjadi amalan dalam kehidupan seharian. Guru yang banyak membaca boleh memberi banyak manfaat kepada muridnya. Melalui pembacaan yang meluas, guru itu mudah melaksanakan proses pengajarannya. Pengetahuan dan maklumat terkini dapat dijana untuk kepentingan muridnya. Strategi pengajaran termasuk pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan dapat disusun dan dirancang dengan teratur dan berkesan. Peranan guru juga sebagai kaunselor dapat memotivasikan pelajarannya ke arah mengamalkan tabiat suka membaca sehingga menjadi budaya dalam kehidupan seharian. Asmah Haji Omar (1988) menyatakan, guru merupakan model bagi muridnya. Guru bukan sahaja mengajar malahan bertindak sebagai ibu bapa bagi pelajar di sekolah. Oleh itu, baik buruknya pelajar bergantung pada cara mereka menguruskan pelajarannya.

Bimbingan guru juga diperlukan untuk mengukuhkan minat pelajar supaya terus membaca. Keprihatinan guru dalam hal ini, membolehkan pelajar sentiasa mendapat bantuan dan bimbingan mengikut masa yang diperlukan supaya minat mereka untuk membaca tidak terbantut di pertengahan jalan.





Oleh itu, sebagai rumusannya, empat faktor di atas jika diberi perhatian sudah pasti membantu memupuk dan menyemai budaya membaca dalam kalangan pelajar. Budaya membaca ini apabila terpupuk pada setiap diri individu, sudah tentu berupaya mempengaruhi rakan karib yang sentiasa didampinginya. Daripada situ, pengaruh membaca ini berkembang daripada seseorang ke seseorang sehingga mewujudkan komuniti yang gemar membaca dan akhirnya menjalar kepada masyarakat umum. Walau bagaimanapun, bukanlah mudah untuk membentuk tabiat membaca bagi masyarakat negara memandangkan banyak kekangan yang perlu diatasi. Kekangan itu dapat diatasi sekiranya kita mengambil kira empat faktor permasalahan yang dinyatakan di atas untuk mewujudkan masyarakat yang membudayakan membaca sebagai amalan hidup. Oleh itu, iltizam dan komitmen semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung mestilah digembleng supaya membaca menjadi amalan sepanjang hayat.



1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan mengetahui aspek yang mempengaruhi tahap pembacaan dalam kalangan pelajar iaitu:

1. untuk mengenal pasti faktor yang menimbulkan minat dan budaya membaca supaya dapat membantu pelajar menghasilkan karangan yang baik (berkualiti),
2. untuk mengenal pasti jenis bahan bacaan yang dibaca oleh pelajar,
3. untuk mengenal pasti latar belakang keluarga mempengaruhi minat dan budaya membaca pelajar,





4. untuk mengenal pasti kemahiran berbahasa pelajar dipengaruhi oleh latar belakang keluarga,
5. untuk mengenal pasti kemudahan tempat membaca yang disediakan oleh keluarga dan
6. untuk mengenal pasti pendorong dan cara dorongan yang menimbulkan minat membaca dalam kalangan pelajar.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui dan mendapatkan jawapan daripada persoalan yang berbangkit tentang perkaitan antara minat dan budaya membaca dengan kebolehan berbahasa pelajar yang digambarkan dalam penulisan karangan. Oleh itu, enam soalan difokuskan dalam kajian ini, iaitu:

1. Adakah faktor yang menimbulkan minat dan budaya membaca diberikan perhatian supaya dapat memupuk minat dan budaya membaca dan akhirnya murid menghasilkan karangan yang baik?
2. Apakah jenis bahan bacaan yang dibaca oleh pelajar?
3. Adakah latar belakang keluarga mempengaruhi minat dan budaya membaca pelajar?
4. Adakah kemahiran pelajar berbahasa dipengaruhi oleh latar belakang keluarga?
5. Apakah kemudahan tempat membaca disediakan oleh keluarga?
6. Siapakah dan bagaimanakah dorongan dilakukan supaya minat membaca tumbuh subur dalam kalangan pelajar?





1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian pertama, kedua dan keempat, hipotesis nul yang digunakan:

Ho1: Kemahiran menulis karangan pelajar bukan dipengaruhi oleh minat dan budaya membaca.

Ho2: Kemahiran berbahasa pelajar bukan dipengaruhi oleh jenis bahan bacaan yang dibaca.

Ho3: Kemahiran berbahasa pelajar bukan dipengaruhi oleh latar belakang keluarga.

1.7 Kepentingan Kajian

Sejak kebelakangan ini kita sering mendengar dakwaan bahawa masyarakat Malaysia belum menjadi masyarakat yang gemar membaca. Rungutan dan dakwaan ini juga ditujukan kepada pelajar. Oleh itu, dalam mewujudkan dan memupuk minat dan budaya membaca dalam kalangan pelajar, pelbagai faktor dikenal pasti dan dijelaskan. Rumusannya, dapatan kajian diharap dapat:

1. membantu pelajar memupuk dan menyemai minat dan budaya membaca,
2. membantu ibu bapa dan masyarakat membentuk sikap dan minat anak-anak supaya gemar membaca,
3. membantu guru dan pentadbir sekolah untuk memikirkan jenis bahan bacaan yang sesuai di samping melengkapkan Pusat Sumber Sekolah (PSS) dengan pelbagai kemudahan yang lengkap dan selesa serta





merancang dan melaksanakan program tertentu untuk mewujudkan budaya membaca dalam kalangan pelajar,

4. membantu pihak tertentu seperti Pegawai Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyediakan infrastruktur dan kemudahan fizikal, merancang program galakan membaca yang melibatkan pelajar, guru dan masyarakat dan,
5. membantu pembaca dan bakal pengkaji memikirkan aspek lain yang tidak disentuh dalam kajian ini untuk dianalisis serta dibuat kajian.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada pelajar Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Senawang 2, Seremban Negeri Sembilan. Kajian dibataskan kepada aspek yang dikemukakan dalam soalan kajian yang berhubung dengan minat dan budaya membaca dan kaitannya dengan kebolehan berbahasa pelajar yang digambarkan dalam penulisan karangan. Kebolehan berbahasa yang dinilai tidak mengambil kira aspek ketepatan tajuk, penampilan fikiran, isi, pengolahan dan pemerenggan.

Oleh sebab kajian ini terbatas melihat perkaitan antara minat dan budaya membaca dengan kebolehan berbahasa pelajar yang digambarkan dalam penulisan karangan, penilaian karangan ini hanya dibataskan kepada aspek kebahasaan, struktur ayat, kosa kata, tanda baca dan ejaan. Hasil dapatan kajian hanya menggambarkan sekolah ini sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai gambaran umum atau menyeluruh yang melangkaui batasan kajian.



1.9 Pengertian Konsep Kajian

Bahagian ini membincangkan pengertian konsep budaya, minat, membaca, pelajar Tingkatan 4, hasil penulisan, karangan dan kesimpulan.

1.9.1 Budaya

Kamus Dewan Edisi ke-3 (1994), menyatakan budaya ialah tamadun iaitu keadaan masyarakat manusia yang dicirikan atau didasarkan pada taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran yang tinggi seperti sosial, budaya, politik dan lain-lain. Sementara Taylor dalam Yahya Awang (1999), mentakrifkan budaya sebagai satu keseluruhan yang kompleks yang merangkumi ilmu pengetahuan, kepercayaan, seni lukis, moral dan akhlak, undang-undang, adat resam dan kemahiran lain yang diperolehi oleh manusia sebagai ahli masyarakat.

Bagi Linton dalam Mohd Jonit Mohd Johari (1993) pula, mendefinisikan budaya sebagai segala yang dipelajari dan diulangi dalam masyarakat, iaitu warisan sosial ahli masyarakat. Sebaliknya Robiah Kulop Hamzah (1993) memberi maksud budaya sebagai cara hidup yang menjadi sendi sesuatu bangsa. Budaya tidak dapat dibentuk dalam masa sehari atau dalam sekelip mata tetapi memerlukan masa yang sangat lama. Oleh itu, pembentukan budaya cemerlang masyarakat perlu bermula sekarang. Golongan dewasa bertanggungjawab membina, membentuk dan mendidik individu remaja menjadi insan yang berbudaya cemerlang iaitu budaya membaca.



Dalam kajian ini pengkaji menggunakan empat definisi yang diutarakan di atas dengan pendekatan baru, iaitu budaya yang dilihat sebagai keseluruhan cara hidup masyarakat yang diwarisi dan perlu diulangi serta dipelajari.

1.9.2 Minat

Menurut Kamus Pelajar cetakan ke-13 (1997), minat merupakan kecenderungan atau keinginan kepada melakukan tindakan oleh individu yang dicubanya melalui objek yang dipilihnya, kegiatannya, keterampilannya dan ditujukan pada hal yang disukai. Minat juga boleh didefinisikan sebagai karektor yang diatur daripada pengalaman yang memaksa seseorang untuk mencari fakta objektif, kegiatan, pengertian, kecekapan atau pengalaman. Dalam perkataan lain, minat merujuk keadaan atau keinginan yang berkaitan kesukaan dan kecenderungan terhadap sesuatu. Minat juga bermaksud menaruh perhatian terhadap sesuatu.

Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa minat merupakan keinginan atau kecenderungan untuk melahirkan sesuatu yang boleh mempengaruhi bentuk tingkah laku serta pemikiran seseorang.

1.9.3 Membaca

Lado (1957) mendefinisikan membaca sebagai cara untuk memahami pola bahasa daripada bentuknya yang bertulis. Beliau mengatakan membaca sebagai bentuk komunikasi dan tujuannya menerima maklumat melalui bentuk tertulis. Bagi Cohen





dan Chomsky dalam Siti Zawiyah Basri (1999) mendefinisikan membaca sebagai proses pembelajaran yang memerlukan asas bahasa yang kukuh.

Kamus Dewan (1996), mendefinisikan membaca sebagai mengucapkan apa yang tertulis atau tercetak pada buku, papan tanda dan sebagainya secara lisan. Lebih luas lagi membaca dinyatakan sebagai memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami makna kandungannya.

Atan Long (1978), mengatakan membaca kebolehan berbahasa yang lebih tinggi daripada kebolehan bertutur. Membaca melibatkan kebolehan mengenal lambang, menterjemah lambang itu semula kepada bunyi bahasa dan memahami makna dan konsep yang disampaikan oleh tulisan itu.



Kamarudin Haji Husin (1988) pula, mendefinisikan membaca sebagai bukan bermakna memindahkan tulisan kepada suara sahaja, bahkan memahami apa-apa yang dibaca. Pelajaryang boleh memindahkan tulisan kepada suara, walau bagaimana lancar sekalipun, jika tidak memahami apa-apa yang disuarakan maka pelajar itu tidaklah boleh dianggap membaca. Dalam perkataan lain membaca ialah menyuarakan tulisan, mengambil isi dan fikiran serta memahami kandungan.

Raminah Haji Sabran (1991), menyatakan membaca lebih kompleks daripada bertutur. Untuk membaca, pembaca mestilah dapat menguasai kemahiran lisan yang meliputi kemahiran mendengar dan bertutur dan seterusnya memiliki pengamatan penglihatan yang diskriminatif.





Zulkifli Hamid (1994), memberi pengertian membaca sebagai pelakuan mekanis dan melibatkan pentafsiran makna secara aktif. Proses membaca merupakan proses dua hala. Hala pertamanya, otak mendapat makna daripada teks. Hala keduanya, pengetahuan yang sedia ada dalam ingatan jangka panjang dipancarkan kepada teks untuk diperincikan dan diperkaya pentafsirannya.

Oleh itu, beberapa takrifan tentang membaca yang diberikan oleh beberapa tokoh di atas, maka pengkaji membuat andaian dan tanggapan membaca itu bukan sahaja menterjemahkan lambang tulisan tetapi memahami makna lambang tersebut untuk dikaitkan dengan pemikiran dan kemudian dijadikan sebagai idea baharu untuk digunakan dalam penulisan karangan kerana seseorang yang berjaya menguasai kemahiran membaca bermakna berjaya merobohkan tembok pemisah, antara dirinya dan lautan ilmu yang wujud dalam pelbagai karya. Membaca menimba ilmu, membaca kunci ilmu dan membaca tangga kejayaan. Menyedari pentingnya lakuan membaca, setiap insan harus menguasai kemahiran ini.

1.9.4 Pelajar Tingkatan 4

Pelajar Tingkatan 4 merupakan golongan remaja yang berumur dalam lingkungan 16 tahun yang sedang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Senawang 2, Seremban Negeri Sembilan yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Pelajar ini lulus dalam PMR 2003 dan bakal menduduki SPM pada 2005. Pelajar inilah yang dipilih dijadikan responden dalam kajian ini.





1.9.5 Hasil Penulisan

Raminah Haji Sabran (1985) menyatakan segala bentuk karangan pelajar berupa naratif, fakta, puisi dan sebagainya iaitu hasil karya mereka sendiri yang terpancar daripada idea dan pemikiran sendiri hasil daripada pembacaan dan pemahaman mereka terhadap kandungan bahan, mengambil isi dan fikiran bahan yang dibaca sebagai panduan. Aspek bahasa yang digunakan dalam penulisan diambil kira. Oleh itu, pengkaji merujuk takrifan ini untuk digunakan dalam kajian ini yang berhubung dengan hasil penulisan pelajar.

1.9.6 Karangan

Karangan bermaksud ciptaan, gubahan, 'compose' (seperti mengarang cerita, lagu, sajak, surat kiriman) dan karya. Menurut Raminah Haji Sabran dan Rahim Syam (1985:200), karangan ialah pengalihan perasaan dan fikiran secara bertulis berdasarkan tajuk yang diberikan oleh guru dalam jumlah perkataan yang ditetapkan. Pelajar secara tidak langsung dapat melahirkan pendapat, ulasan dan komen tentang tajuk atau isu yang diberikan oleh guru.

Dalam konteks bilik darjah, karangan bermaksud penceritaan tajuk tertentu dalam bentuk ayat secara bertulis dan berperenggan yang dimulakan dengan pengenalan, isi dan kesimpulan. Oleh itu, pengkaji merujuk takrifan ini untuk digunakan dalam kajian ini yang berhubung dengan karangan pelajar.





1.10 Kesimpulan

Dalam bahagian ini pengkaji mengemukakan secara ringkas persoalan dan permasalahan yang berhubung dengan minat dan budaya membaca dalam kalangan pelajar sekolah khususnya di peringkat menengah. Pengkaji menyentuh aspek lokasi dan sampel kajian, tujuan kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan pengertian konsep kajian.

